

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD.  
TAHIR [ TEMERLOH ]**

**SOALAN**

**YB DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memastikan standard perkhidmatan serta penarafan homestay terkawal demi menyemarakkan lagi usaha pelancongan domestik ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah melaksanakan pelbagai usaha dalam memastikan standard perkhidmatan serta penarafan homestay terkawal. Antara perkara yang dilaksanakan termasuklah:

- (i) Menjalankan naziran semakan semula kepada pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia yang berdaftar setiap 3 tahun meliputi naziran penginapan, naziran penyediaan makan minum serta naziran program/aktiviti yang ditawarkan kepada pelancong;
- (ii) Menggalakkan pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia untuk menggunakan Standard Pelancongan ASEAN: Homestay yang telah dibangunkan oleh Malaysia

dengan kerjasama negara-negara ASEAN dalam pengurusan homestay masing-masing;

- (iii) Melaksanakan kursus dan bengkel bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan pengusaha homestay seperti kursus berkaitan keusahawanan, kraftangan, hospitaliti dan bahasa asing terutamanya Bahasa Inggeris;
- (iv) menjadi *focal point* dalam menyediakan khidmat nasihat dan panduan kepada pengusaha Program Pengalaman Homestay Malaysia bagi membantu mereka untuk terus berkembang dan berdaya saing dalam industri pelancongan; dan
- (v) Menjalinkan kerjasama berterusan dengan persatuan berkaitan industri homestay untuk membantu di dalam penyelarasan dan pelaksanaan Program Pengalaman Homestay Malaysia agar selari dengan visi dan misi Kementerian.

2. Pada masa ini juga, MOTAC sedang meneliti dan semakan semula ke atas Garis Panduan Pendaftaran Homestay bagi meluaskan skop Program Pengalaman Homestay Malaysia agar ia lebih relevan dengan perkembangan industri pelancongan semasa.

Sekian, terima kasih.